



**MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA
KERAJAAN TERENGGANU (MAKSAK TERENGGANU)**



Syarat dan Peraturan Pertandingan

PERATURAN PERTANDINGAN

1-NAMA PERTANDINGAN

KEJOHANAN BASIKAL MAKSAK PERINGKAT NEGERI TERENGGANU TAHUN 2022.

2-PENGANJUR

MAKSAK NEGERI TERENGGANU

3-PENGELOLA

MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

4-TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

BIL	TARIKH/HARI	MASA	ACARA	TEMPAT
1	30 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)	3:00 PETANG	UJIAN MASA PERSEORANGAN (INDIVIDU TIME TRIAL (ITT))	BANDAR AL-WATHIQU BILLAH, KUALA NERUS
2	1 OKTOBER 2022 (SABTU)	8:00 PAGI	KRITERIUM INDIVIDU (INDIVIDUAL CRITERIUM)	

5-PERATURAN UMUM

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa sebagaimana yang diputuskan dan disiarkan oleh peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) dan Jawatankuasa Pengelola.
- 5.2 Basikal yang boleh digunakan adalah **road bike (RB)** sahaja bagi acara kriterium individu dan penggunaan **Aerobar/Rim Dics** dibenarkan bagi acara Ujian Masa Perseorangan (ITT) .

6. PERATURAN TAMBAHAN

Selain dari peraturan umum di atas, **Jawatankuasa Penganjur** adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran aktiviti sukan **MAKSAK Malaysia** dan **Undang-undang Kerajaan Malaysia semasa** yang berkaitan dengan pengelolaan dan pengurusan aktiviti sukan.

7. KELAYAKAN PESERTA

- 7.1 Kejohanan ini terbuka kepada semua pasukan Jabatan / Agensi Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu yang dijemput menyertai kejohanan sahaja. Penyertaan terhad kepada **20 PASUKAN SAHAJA " First Come First Serve basis".**
- 7.2 Semua pegawai dan kakitangan awam Negeri Terengganu layak menyertai kejohanan ini Kecuali:-
8.2.1 Kakitangan yang berkerja kurang dari enam (6) bulan;
8.2.2 Kakitangan yang bertaraf sambilan.
- 7.3 Kategori Pemain
8.3.1 Lelaki terbuka
8.3.2 Wanita terbuka
8.3.3 Veteran lelaki terbuka (umur 45 tahun ke atas)
- 7.4 Pihak penganjur akan meneliti pendaftaran pemain dan sekiranya ada sebarang bantahan pemain daripada pasukan ,ianya hanya boleh dilakukan semasa taklimat pengurusan.

8-PENDAFTARAN PEMAIN

- 8.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang telah disediakan dan sahkan oleh Ketua Jabatan sahaja.
- 8.2 Penyertaan terbuka kepada 20 pasukan terawal sahaja.
- 8.3 Setiap pemain perlu mengemukakan salinan Kad Pegenalan (I/C) berserta salinan gaji bulan Jun,Julai, Ogos tahun 2022 dan pemain bertaraf kontrak hendaklah mengemukakan salinan KWSP yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan.
- 8.4 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada dua (2) **pelumba yang pernah mewakili pasukan kebangsaan atau pasukan professional** bagi tahun 2021 dan 2022 iaitu satu(1) orang lelaki dan satu (1) orang wanita. Walaubagaimanapun pelumba tidak boleh digandingkan dalam acara yang sama.
- 8.5 Badan Gabungan yang gagal mengesahkan penyertaan pada masa dan tarikh yang ditetapkan atau gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan akan terkeluar daripada **MAKSAK GAMES 2022- Cycling peringkat Negeri Terengganu** atau di tetapkan oleh jawatankuasa pengelola yang mana keputusannya adalah Muktamad.
- 8.6 Pengurus/Jurulatih dibenarkan berlumba. Nama mereka hendaklah didaftar juga dalam senarai pelumba dan mengikut syarat kelayakan peserta . Mekanik tidak dibenarkan bermain.
- 8.7 Pertukaran nama pelumba boleh dilakukan semasa Taklimat Pengurusan Pasukan yang akan diadakan pada 30 September 2022.

- 8.8 Tarikh tutup penyertaan pada 15 September 2022 jam 12:00 tengahari.
- 8.9 Taklimat pengurusan akan diadakan pada **30 September 2022 (Jumaat) jam 9:00** pagi bertempat di **Dewan Pejabat Daerah Kuala Nerus** (sekiranya ada perubahan akan dimaklumkan semula)
- 8.10 Setiap pelumba dibenarkan untuk bermain **dua acara sahaja**.

9-YURAN PENYERTAAN

- 9.1 Yuran penyertaan adalah sebanyak RM 50.00 seorang bagi setiap kategori.
- 9.2 Yuran penyertaan boleh dibayar secara;
- i) TUNAI; atau
 - ii) Cek atas Nama "**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**" (mesti dikemukakan sebelum atau pada 15 September 2022); atau
 - iii) Terus ke Akaun Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (**AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD: 10-515-000953-9**) "**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**"
- 9.3 Bagi bayaran secara terus ke Akaun Kelab sukan dan Kebajikan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, bukti pembayaran perlu dikemukakan kepada penganjur.
- 9.4 Sebarang bayaran perlu dibuat sebelum atau pada 15 September 2022, jika bayaran dibuat selepas tarikh tersebut penyertaan **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- 9.5 Sebarang yuran yang telah dibuat bayaran tidak akan dikembalikan jika peserta menarik diri.

10-FORMAT PERTANDINGAN

10.1 Kriteria Individu (Individual Criterium)

- 10.1.1 Setiap pasukan hanya boleh menghantar 9 pelumba bagi 3 acara seperti berikut:
- i Tiga (3) pelumba Lelaki terbuka
 - ii Tiga (3) pelumba Wanita terbuka
 - iii Tiga (3) pelumba Veteran lelaki (umur 45 tahun ke atas)
- 10.1.2 Pelumba dilepas secara beramai-ramai (Mass Start)
- 10.1.3 Semua basikal yang digunakan diwajibkan mematuhi ukuran yang telah diluluskan Oleh PKBM. Setiap pelumba wajib untuk membawa basikal untuk pemeriksaan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum masa pertandingan.

10.1.4 Jarak perlumbaan bagi setiap kategori adalah;

- i Lelaki terbuka 4.3 KM X 8 Pusingan
- ii Wanita terbuka 4.3KM x 4 Pusingan
- iii Veteran lelaki (umur 45 tahun ke atas)-4.3KM X 5 Pusingan

Sebarang pindaan bagi jarak pusingan adalah mengikut kesesuaian masa.

10.1.5 Pelumba yang berada di Kedudukan yang Pertama diisytiharkan sebagai pemenang individu.

10.1.6 Lain-lain peraturan terkini akan dibincangkan dan diputuskan semasa mesyuarat jawatankuasa penganjur. Keputusan yang dibuat di dalam mesyuarat adalah muktamad.

10.2 Ujian Masa Perseorangan (Individual Time Trial (ITT))

10.2.1 Setiap pasukan hanya boleh menghantar 9 pelumba bagi 3 acara seperti berikut:

- i Tiga (3) pelumba Lelaki terbuka
- ii Tiga (3) pelumba Wanita terbuka
- iii Tiga (3) pelumba Veteran lelaki (umur 45 tahun ke atas)

10.2.2 Setiap pelumba akan dilepaskan setiap 1 minit giliran yang telah diundi semasa Mesyuarat Jawatankuasa Penganjuran.

10.2.3 Setiap pelumba akan diiringi oleh marshall dan kenderaan pasukan. Bergantung pada Jarak trek.

10.2.4 Perlumba yang akan mencatatkan masa yang terbaik akan diisytiharkan sebagai Pemenang

10.2.5 Semua basikal yang digunakan diwajibkan mematuhi ukuran yang telah diluluskan Oleh PKBM. Setiap pelumba wajib untuk membawa basikal untuk pemeriksaan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum masa pertandingan.

10.2.6 Penggunaan basikal ITT (**FUNNY BIKE TIDAK DIBENARKAN**) manakala penggunaan **Aerobar dan Rim Disc** adalah dibenarkan.

10.2.7 Jarak perlumbaan bagi setiap kategori adalah;

- i Lelaki terbuka 8.6 KM
- ii Wanita terbuka 8.6 KM
- iii Veteran lelaki (umur 45 tahun ke atas)- 8.6 KM

Sebarang pindaan bagi jarak pusingan adalah mengikut kesesuaian masa.

10.2.8 Lain-lain peraturan terkini akan dibincangkan dan diputuskan semasa mesyuarat jawatankuasa penganjur. Keputusan yang dibuat di dalam mesyuarat adalah muktamad.

11-ALATAN PELUMBA (TOPI KELEDAR (HELMET), PAKAIAN (JERSI) DAN KASUT

- 11.1 Semua pelumba diwajibkan memakai *hard shell helmet* yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Pihak penganjur atau komisar berhak **MENGHALANG ATAU TIDAK MEMBENARKAN** pelumba –pelumba yang tidak menggunakan helmet yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan daripada menyertai perlumbaan.
- 11.2 Semua pelumba **DIWAJIBKAN** memakai pakaian lengkap basikal..Pemakaian Jeans, jersi yang tidak berlengan (sleeveless), selipar atau sandal adalah **DILARANG** sama sekali.
- 11.3 Pihak penganjur atau komisar mempunyai kuasa untuk **MELARANG** pelumba dari berlumba jika terdapat etika pemakaian yang tidak melambangkan semangat perlumbaan basikal.

12-NOMBOR PELUMBA DAN NOMBOR BASIKAL

- 12.1 Semua pelumba akan dibekalkan dengan dua (2) keping nombor pelumba dan satu (1) Keping nombor basikal. Nombor pelumba dan nombor basikal mestilah dalam keadaan yang asal dan sempurna, tidak boleh dipotong atau dilipat. Sebarang pengubahsuaian nombor-nombor tersebut adalah dilarang sama sekali.
- 12.2 Nombor pelumba mestilah diletakkan/dipinkan dalam keadaan sempurna; satu (1)keping dibahagian belakang pelumba dan satu (1) Keping dibahagian rusuk kiri pelumba seperti di gambarajah dibawah:



13-MASA PERMAINAN

- 13.1 Kejohanan ini akan dijalankan dalam tempoh 2 hari
- 13.2 Semua perlumbaan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 13.3 Semua pelumba yang dijadualkan untuk berlumba mestilah berada di caller box setelah di panggil oleh komisar **10 minit** sebelum perlumbaan dijalankan.

- 13.4 Walau bagaimanapun, tiada sebab bagi pasukan-pasukan memberi kemenangan percuma kepada pasukan lawan atau menarik diri semasa kejohanan. Urusetia MAKSAK Negeri Terengganu akan mengambil tindakan dengan mengenakan denda yang telah ditetapkan dan menarik bantuan kewangan yang diperuntukan dan akan melaporkan kepada Yang Dipertua Badan-Badan Gabungan agar mengambil tindakan tegas kepada pihak yang terlibat dan bertanggungjawab.

14-PENANGGUHAN PERLUMBAAN

Jawatankuasa pengelola akan memutuskan kedudukan perlumbaan yang ditangguhkan oleh komisar kerana tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Dalam membuat keputusan, perkara-perkara berikut adalah diambil kira.

- 14.1 Keadaan cuaca hujan/ ribut petir yang membahayakan perlumbaan.
- 14.2 Terdapat masalah teknikal (*timing system*) atau permohonan daripada pasukan.

15-PENGADIL

- 15.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik penilai pengadil daripada komisar.
- 15.2 Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan Pegawai Teknikal sepanjang kejohanan.

16-BANTAHAN

16.1 Kelayakan Peserta

- i) Sebarang bantahan hanya boleh dibuat oleh Pengurus atau Ketua Pasukan **SAHAJA** dan hendaklah dibuat **SEMASA MESYUARAT PENGURUSAN PASUKAN SAHAJA** (tidak perlu wang cagaran RM500/-)
- ii) Pihak yang membuat bantahan perlu mengemukakan **bukti kukuh berkenaan bantahan yang dibuat.**
- iii) Pihak yang dibantah hendaklah memberi bukti dengan **SEGERA** di dalam majlis bantahan tersebut (bahawa peserta/pemain yang dibantah adalah **SAH bermain dan MENGIKUT SEGALA SYARAT KELAYAKAN BERMAIN.**

16.2 Teknikal Dan Lain-Lain Bantahan

- i) Sebarang bantahan berkenaan teknikal/pengandilan dan lain-lain selain kelayakan peserta hendaklah dibuat secara lisan kepada pengadil Ketua Komisar (Chief Commissaire) yang bertugas ketika itu.
- ii) Kemudian bantahan tersebut hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola tidak lewat daripada 30 minit selepas tamat pertandingan tersebut (Jika berkaitan pertandingan/teknikal/pengadilan dan lain-lain berkaitan)

- iii) Surat bantahan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dan disertakan dengan wang cagaran sebanyak RM500.00 (tunai). Wang cagaran ini tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut gagal atau ditolak. Jika bantahan berjaya 50% akan dikembalikan.
- iv) Sebarang keputusan yang dibuat dari keputusan Jawatankuasa Bantahan dan tatatertib adalah muktamad.

17-JAWATANKUASA BANTAHAN & TATATERTIB

- Pengerusi** : Setiausaha MAKSAK Negeri atau Wakil
- Ahli Jawatankuasa** : Ketua Komisar atau Wakil
- :Setiausaha Kelab Sukan dan Kebajikan
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (KESUMBA) atau Wakil
- :Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) atau Wakil

18-HADIAH

18.1 MAKSAK Negeri Terengganu akan menyediakan hadiah seperti berikut:-

a) Lelaki Terbuka

Johan	- RM 300.00
Naib Johan	- RM 150.00
Ketiga	- RM 100.00
Keempat	- RM 50.00
Kelima	- RM 50.00

b) Wanita Terbuka

Johan	- RM 300.00
Naib Johan	- RM 150.00
Ketiga	- RM 100.00
Keempat	- RM 50.00
Kelima	- RM 50.00

c) Veteran Lelaki

Johan	- RM 300.00
Naib Johan	- RM 150.00
Ketiga	- RM 100.00
Keempat	- RM 50.00
Kelima	- RM 50.00

18.2 Jika penyertaan tidak menggalakkan, kadar hadiah akan ditentukan semula oleh penganjur dan Keputusan adalah muktamad.

19-DISIPLIN DAN TATATERTIB

Jika terdapat pegawai dan peserta yang tidak berdisiplin di sepanjang kejohanan hingga tamat seperti berpakaian tidak sopan, tidak kemas, berambut panjang (lelaki) dan lain-lain lagi (tidak mencerminkan seorang penjawat awam), mereka tidak akan dibenarkan menyertai kejohanan.

20-HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

Semua hal yang tidak diperuntukan di bawah peraturan ini atau sebarang pengecualian mengenai pematuhan Peraturan ini atau semua perkara—perkara di luar jangka atau mengenai perbezaan tafsiran atau mengenai sebarang tafsiran perkara-perkara di dalam peraturan akan diputuskan oleh Jawatankuasa pengelola yang mana keputusan adalah Muktamad.

21- PERINTAH AM

Sepanjang kejohanan diadakan, pegawai dan para peserta adalah tertakluk kepada perintah AM Kerajaan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Urusetia MAKSAK Negeri Terengganu atau Urusetia Kejohanan akan memanjangkan laporan kepada Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan, Sekiranya terdapat pegawai atau peserta yang melanggar peraturan-peraturan tatatertib serta peraturan-peraturan pertandingan yang berkenaan.

22-URUSETIA PERTANDINGAN

- 1) ENCIK ZAKARIA BIN ABDULLAH
- 2) ENCIK MOHD ZAHIRUDDIN BIN ZAKARIA
- 3) ENCIK WAN MOHD ADZLAN BIN WAN ADNAN

BORANG PENYERTAAN
MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN (MAKSAK)
GAMES - CYCLING
NEGERI TERENGGANU TAHUN 2022
(Borang Penyertaan)

NAMA JABATAN :
NO. TEL / FAX (P) :
NAMA PENGURUS :
NAMA MEKANIK :
NO. TELEFON (H/P) : **Pengurus:** **Mekanik:**

Kriterium Individu (Individual Criterium)

i **Tiga (3) pelumba Lelaki terbuka**

MAKLUMAT PEMAIN

BIL	NAMA PEMAIN	NO.K/PENGENALAN	NO.GAJI	GRED JAWATAN
1				
2				
3				

ii **Tiga (3) pelumba Wanita terbuka**

MAKLUMAT PEMAIN

BIL	NAMA PEMAIN	NO.K/PENGENALAN	NO.GAJI	GRED JAWATAN
1				
2				
3				

iii **Tiga (3) pelumba Veteran lelaki (umur 45 tahun ke atas)**

MAKLUMAT PEMAIN

BIL	NAMA PEMAIN	NO.K/PENGENALAN	NO.GAJI	GRED JAWATAN
1				
2				
3				

Ujian Masa Perseorangan (Individual Time Trial (ITT))

i Tiga (3) pelumba Lelaki terbuka

MAKLUMAT PEMAIN

BIL	NAMA PEMAIN	NO.K/PENGENALAN	NO.GAJI	GRED JAWATAN
1				
2				
3				

ii Tiga (3) pelumba Wanita terbuka

MAKLUMAT PEMAIN

BIL	NAMA PEMAIN	NO.K/PENGENALAN	NO.GAJI	GRED JAWATAN
1				
2				
3				

iii Tiga (3) pelumba Veteran lelaki (umur 45 tahun ke atas)

MAKLUMAT PEMAIN

BIL	NAMA PEMAIN	NO.K/PENGENALAN	NO.GAJI	GRED JAWATAN
1				
2				
3				

- Sila sertakan salinan kad pengenalan pemain yang disahkan oleh Ketua Jabatan.
- Sila sertakan salinan slip gaji bulan Jun,Julai dan Ogos yang di sahkan oleh Ketua Jabatan.
- Pemain bertaraf kontrak hendaklah mengemukakan salinan KWSP yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan
- Borang penyertaan yang lengkap boleh di hantar di alamat **Majlis Bandaraya Kuala Terengganu,Bahagian Pengurusan Aset (Stor) Tingkat 4, No.88 Jalan Sultan Ismail,20200 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.** Beserta wang tunai atau slip bayaran sebagai bukti pembayaran.
- Sebarang penyertaan sila hubungi :019-9566669 (**Zamri**)
013-9942843 (**Syed**)
017-9594883 (**Hilmi**)

TANDATANGAN PENGURUS

.....